

UMP metrai kerjasama dengan ISN dan Silterra



Kuantan, 8 Mac- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) bagi menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia yang bakal memberi fokus terhadap penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik demi melahirkan atlet yang berprestasi tinggi. Pemeteraian persefahaman kedua-dua pihak ini bertepatan bagi mendukung aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta Kementerian Belia & Sukan (KBS) untuk memartabatkan sukan tanah air melalui kerjasama strategik.

Aspirasi persefahaman ini melibatkan perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang sains sukan, perubatan sukan, kejuruteraan, sains dan teknologi serta mewujudkan jalinan kerjasama melalui pembangunan penyelidikan sains dan kejuruteraan sukan.



Majlis menyaksikan MOU ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus manakala ISN diwakili Ketua Pegawai ISN, Dr. Mohd Khairi Zawi dan Ahli Lembaga ISN Hazally Jali dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Gambang.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP yang memfokus terhadap bidang kejuruteraan, sains dan teknologi tulen menampilkan keunikan yang inovatif melalui penyelidikan interdisiplinari yang berkaitan. Pada tahun 2011, apabila KPT memandatkan UMP untuk menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia, universiti ini melihat kepercayaan tersebut sebagai satu peluang lonjakan kegemilangannya.



"Walaupun seseorang atlet itu secara umumnya dinilai berdasarkan aspek pemakanan, kecergasan dan taktikal, namun perkembangan penyelidikan telah mendapati bahawa aspek kejuruteraan sukan juga signifikan dalam mempengaruhi prestasi atlet," katanya.

Menurut beliau, penyelidikan yang dilakukan di Makmal iMAMS melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui rekabentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan, pembangunan alat bantu kejuruteraan dan sebagainya. Maka, inilah peranan yang dimainkan oleh para jurutera sukan dalam mengkomplimentari aspek fisiologikal yang dilihat oleh saintis sukan.



Dalam masa yang sama UMP turut menandatangani MoU dengan Silterra Malaysia Sdn. Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Firdaus Abdullah dan Pengarah Korporat & Pembangunan, Tahiruddin Haji Hamdan. Dengan pemeteraian kerjasama dengan Silterra ini akan memberi nilai tambah kepada UMP dalam mengembangkan lagi penyelidikan dalam Kejuruteraan Industri, Kejuruteraan Pembuatan, IC Design, Pembangunan Perisian, Automasi dan Pembangunan Sumber Manusia serta lain-lain dalam Kejuruteraan Industri.

Hubungan bilateral ini turut meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang berpotensi untuk dijayakan oleh kedua-dua institusi ini. Majlis turut dihadiri Dekan FKP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan pensyarah UMP, Profesor Dr. Zahari Taha.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 09-03-2016, 10:26:27